

TAS Academy rai graduan sulung

Oleh NIK JASNI CHE JAAFAR

nikjasni.ub@gmail.com

UB 16/11 B3

TUN Ahmadshah Oil & Gas Academy atau TAS Academy baru-baru ini meraikan 45 graduan pertama mereka yang menerima Diploma Lanjutan dari Business and Technician Council (BTEC) of United Kingdom dalam Majlis Penyampaian Sijil Graduan yang penuh gilang-gemilang.

Di samping itu, 150 lagi graduan Pusat Pembangunan Professional UMS Link (UCPD) menerima diploma dan sijil masing-masing merangkumi Diploma Pengurusan Masjid (8 orang), Certificate in Paralegal Studies (6 orang) dan Sijil Program Asas Pelajar Antarabangsa atau International Student Foundation Programme (ISFP) seramai 136 orang.

Merupakan inisiatif UMS Link Holdings Sdn Bhd dan dikendalikan bersama UMS Link Silver Kris Sdn Bhd, penubuhan TAS Academy dan UCPD amat signifikan untuk melahirkan modal insan berkualiti dalam merangsang perkembangan industri minyak dan gas terutamanya di Sabah.

Mantan Yang Dipertua Negeri, Tun Ahmadshah Abdullah dalam perutusan khasnya berkata, penubuhan TAS Academy pada 2008 sebagai pusat latihan profesional dalam bidang operasi teknikal minyak dan gas pertama di Sabah bertepatan dalam



TUN AHMADSHAH

melengkapi keperluan potensi perkembangan industri terbabit di negeri ini.

“Penubuhan ini sekali gus dapat memberi peluang kepada para pelatih khususnya anak-anak Sabah untuk menceburi kerjaya serta pengalaman dalam industri ini,” katanya.

Tambahnya, industri minyak dan gas amat besar terutamanya dengan penemuan beberapa telaga minyak baru di perairan Sabah yang dijangka memberi perubahan dan impak besar dari aspek nilai ekonomi dan peluang pekerjaan kepada rakyat tempatan, selain melonjakkan ekonomi negeri.

Menjadikan Terminal Minyak dan Gas (SOGT) di Kimanis sebagai contoh, beliau berkata projek yang dijangka siap pada 2013 itu adalah contoh pembangunan industri minyak dan gas yang harus dibanggakan.

“Dijangkakan menjelang



KONGSI KESEMBERAN...Dani Shamsuddin (tengah) menunjukkan anugerah yang diterima kepada rakan-rakannya di majlis penyampaian sijil TAS Academy baru-baru ini. - Gambar oleh ANIQ AZRAEI

2020, sektor minyak, gas dan tenaga memerlukan kira-kira 21,000 pekerja berkemahiran tinggi dan ini membayangkan pasaran kerjaya untuk graduan dalam bidang ini adalah amat besar,” katanya yang menambah, TAS Academy dan UCPD akan terus komited melahirkan modal insan berkualiti untuk industri itu.

Dalam pada itu, beliau turut melahirkan rasa bangga atas kelahiran graduan sulung Diploma Eksekutif Pengurusan Masjid yang merupakan hasil perkongsian pintar antara UMS Link dan Masjid Al-Ghufran dengan sokongan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim).

Diploma Eksekutif Pengurusan Masjid adalah yang pertama seumpamanya di negara ini yang

diwujudkan dengan harapan untuk memperbaiki serta meningkatkan keberkesanan dan kecekapan dalam pengurusan masjid.

Sementara itu, Pengerusi Kumpulan UMS Link Holdings Sdn Bhd, Datuk K.Y. Mustafa berkata program yang ada di akademi dan pusat terbabit menerima sokongan padu daripada syarikat-syarikat minyak yang terbukti dengan tawaran berkhidmat di organisasi mereka sebelum pelajar menamatkan pelajaran mereka lagi.

“Di UCPD, kami menawarkan program-program seperti ISFP, diploma eksekutif, sijil profesional, latihan dan kursus jangka pendek, program kerjasama diploma dan kursus bahasa antarabangsa.

“Program-program yang ditawarkan di UCPD, terutamanya ISFP adalah program kelayakan khas bagi pelajar antarabangsa yang akan mengikuti program di Universiti Malaysia Sabah (UMS). UCPD mempunyai jaringan meluas dengan China, Indonesia, Korea, Jepun hinggalah ke negara Timur Tengah,” katanya.

Bagi penerima Anugerah Pelajar Cemerlang, Dani Shamsuddin, ilmu dan kemahiran yang diperolehi sepanjang menuntut di akademi berkenaan akan digunakan sebaiknya, apatah lagi beliau kini telah mendapat peluang berkhidmat dalam projek Gumusut-Kakap.

“Ini adalah peluang besar untuk kami berkecimpung dalam industri ini,” kata penerima tajaan daripada Yayasan Tun Ahmadshah dan Malaysia International Shipping Corporation (MISC) Berhad ini.

Menerima Diploma Lanjutan BTEC, Dani tidak berhadapan masalah untuk mendapat peluang pekerjaan memandangkan dia kini telah diambil bekerja di syarikat gas dan minyak yang berpangkalan di Kuala Lumpur.

Seperti kata Tun Ahmadshah, hasrat membentuk negara yang mempunyai ekonomi berpendapatan tinggi hanya dapat dicapai sekiranya wujud keseimbangan dari aspek pembangunan intelek, emosi dan rohani dalam

setiap individu.

“Justeru, kepada graduan, kekalkan keseimbangan ini untuk membentuk jati diri yang berfikiran positif dan terbuka kepada idea dan pandangan baru yang akan membolehkan para graduan menyesuaikan diri dengan pelbagai situasi.

“Kejayaan para graduan ini juga diharap dapat menarik minat lebih ramai lepasan sekolah untuk mengikuti pengajian dan latihan yang ditawarkan bagi membolehkan Sabah mempunyai lebih ramai tenaga kerja yang berkemahiran tinggi di masa depan,” katanya.



MEMBANGGAKAN...Dani Shamsuddin menunjukkan Anugerah Pelajar Cemerlang kepada ibunya, Sharifah Huang, 53.